

22/05/1997

MSC untuk faedah seluruh dunia

Karim Sulaiman in London

LONDON, Rabu - Perdana Menteri menegaskan Koridor Raya Multimedia (MSC) akan memainkan peranan penting dalam kemajuan pesat teknologi maklumat (IT) dunia di Era Maklumat, bukan untuk faedah atau kepentingan Malaysia semata-mata.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menawarkan kepada dunia untuk menjadikan MSC sebagai tapak untuk mewujudkan kerjasama sejagat dalam IT untuk faedah bersama.

Menurutnya, pemimpin dunia perlu memikirkan apa yang baik untuk masyarakat dunia, bukannya untuk negara mereka saja.

"Dunia mengandungi banyak negara. Pada suatu ketika nanti, masyarakat dunia perlu bersama dan fikirkan apa yang baik untuk dunia, bukannya untuk Jerman, Malaysia, Brunei atau sesiapa.

"Ini pentingnya kita bersama. Misalnya, kita boleh fikirkan apa yang baik untuk Internet, apa yang boleh dimasukkan atau tidak. Pada masa ini kita tidak bersama.

"Dalam hal ini MSC menyediakan tapak terbaik bagi mewujudkan kerjasama itu," katanya dalam sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan bertajuk MSC: Jambatan Global Dari Eropah ke Asia Untuk Abad Dunia sempena Persidangan Pelaburan MSC di sini, semalam.

Dr Mahathir turut menegaskan MSC tidak diwujudkan untuk bersaing dengan mana-mana negara, sebaliknya memberi ruang kepada masyarakat dunia untuk bekerjasama dalam menghasilkan sesuatu terbaik untuk faedah semua.

Menurutnya, penubuhan MSC bukan untuk kepentingan Malaysia semata-mata, pasarnya juga tidak terhad kepada Asia Tenggara atau Asia Timur, malah seluruh dunia.

"Kita tahu negara di Asia Tenggara mempunyai program tersendiri dalam perkembangan terbaru IT.

"Kita tidak bersaing dengan mereka, tetapi mahu bekerjasama. Kita berpendapat ada banyak faedah dengan bekerjasama.

"Sehubungan itu, kita mencadangkan untuk membincangkan perkembangan IT dalam Sidang Asean akhir tahun ini. Dengan itu, kita dapat mengetahui bidang yang boleh kita bekerjasama," katanya.

Ucapan Perdana Menteri bagi mempromosikan MSC di Eropah itu mendapat sambutan hangat hampir 1,000 hadirin daripada kalangan ketua eksekutif, pemilik, cerdik pandai dan penyelidik berkaitan IT Eropah yang ingin mengetahui lebih mendalam mengenai MSC.

Dr Mahathir turut menerima standing ovation daripada peserta yang pada keseluruhannya kagum dengan kesungguhan Malaysia membawa dunia ke Era Maklumat melalui MSC.

(END)